



## JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Wisma Kewangan  
Jalan Tunku Abdul Rahman  
Beg Berkunci No. 2058  
88595 Kota Kinabalu  
Sabah, Malaysia



Tel.: 088-272000      Faks: 088-212655      E-mel: [bn.jbn@sabah.gov.my](mailto:bn.jbn@sabah.gov.my)

Bil. JBNS : **(A)100-4/10( 24 )**

Tarikh : **02 November 2015**

Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Setiausaha Tetap Kementerian  
Semua Ketua Jabatan  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil  
Semua Bendahari Daerah

### **PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 9 TAHUN 2015 PELAKSANAAN PEMBAYARAN IMBUHAN TETAP PERUMAHAN MENGIKUT PPNS BIL. 13/2015**

#### **1. TUJUAN**

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memberi penjelasan dan panduan mengenai pelaksanaan pembayaran kadar baharu Imbuhan Tetap Perumahan Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Gred 1 hingga 42.
- 1.2 Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Perkhidmatan Awam Negeri Bil. 13/2015 rujukan surat JPAN:700/4/1(61) bertarikh 27 Oktober 2015.
- 1.3 Pekeliling ini boleh didapati di laman Sabahnet <http://www.sabah.gov.my/ecircular/>.

#### **2. PELAKSANAAN**

Pembayaran kadar baharu Imbuhan Tetap Perumahan kepada Anggota Perkhidmatan Awam Negeri yang terlibat akan dilaksanakan serentak dengan pembayaran gaji bulan November 2015. Kadar baharu adalah seperti yang ditetapkan dalam PPNS. Bil. 13/2015.

#### **3. KAEADAH PEMBAYARAN**

- 3.1 Pembayaran akan dibuat secara automatik melalui Sistem Gaji Pusat termasuk Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS).
- 3.2 Pembayaran secara automatik ini hanya akan dinikmati oleh anggota yang aktif dibayar gaji melalui sistem Gaji Pusat pada bulan November 2015.
- 3.3 Bayaran Imbuhan Tetap Perumahan Pangku juga akan diselaraskan bagi anggota terlibat yang sedang memangku.
- 3.4 Penyelarasan secara automatik ini adalah berdasarkan kepada maklumat gaji anggota pada bulan November 2015.

- 3.5 Laporan pembayaran kadar baharu Imbuhan Tetap Perumahan 2015 akan dikeluarkan dan diagihkan kepada setiap Jabatan/Kementerian pada 04.11.2015 untuk rujukan dan tindakan. Jabatan/Kementerian adalah bertanggungjawab untuk menyemak dengan teliti laporan tersebut dan memastikan semua anggota dibawah kawalan masing-masing menerima bayaran ITP Hakiki dan ITP Pangku mengikut kadar yang betul. Sebarang perubahan/pengemaskinian jika ada hendaklah dimaklumkan kepada Seksyen Gaji dan Pencen, JBNS selewat-lewatnya pada **06 November 2015**.
- 3.6 Sebarang pembetulan selepas daripada tarikh tersebut hendaklah dibuat oleh Jabatan masing-masing melalui Sistem E-PAY A3 mengikut jadual penghantaran input bulan **Februari 2016**.
- 3.7 Bagi Jabatan/Kementerian yang telah menghantar input pelarasan ITP anggota yang terlibat dengan pelaksanaan kadar baharu ini melalui sistem e-PAY A3 bagi bulan Disember 2015 mengikut kadar lama, input tersebut akan dikembalikan untuk perubahan/pengemaskinian semula pada bulan berikutnya.
- 3.8 Jabatan/Kementerian hendaklah membatalkan input pelarasan ITP yang sedang dijana bagi bulan Januari 2016 jika pelarasan tersebut masih mengikut kadar lama. Jabatan/Kementerian hendaklah memastikan kadar ITP adalah mengikut kadar baharu seperti yang ditetapkan dalam PPNS. Bil. 13/2015.
- 3.9 Bagi anggota yang dibayar gaji melalui Sistem Baucar Berasingan, bayaran ITP bagi bulan November 2015 hendaklah mengikut kadar baharu seperti yang ditetapkan dalam PPNS. Bil. 13 Tahun 2015.

#### **4. PENUTUP**

Sekiranya terdapat kemusykilan dalam pelaksanaan pekeliling ini, sila berhubung terus dengan Seksyen Gaji Dan Pencen, Jabatan Bendahari Negeri melalui nombor telefon 088 272000 atau 088 255628 untuk mendapatkan maklumat dan penjelasan lanjut.

Sekian dan terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH CEKAP DAN AMANAH"**

  
**(CHUI NGET NGO)**  
Bendahari Negeri  
  
  
**HL/ACA/Jet**

s.k. Pengarah  
Jabatan Kerja Raya,  
Jalan Sembulan,  
Peti Surat 128,  
**88592 KOTA KINABALU.**  
(u.p: Ketua Akauntan)

3/...

**PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 9 TAHUN 2015**

**02 November 2015**

s.k. Pengarah  
Jabatan Pertanian,  
Menara Khidmat,  
**88632 KOTA KINABALU.**  
(u.p: Ketua Akauntan)

s.k. Pengarah  
Jabatan Perhutanan,  
Beg Berkunci 68,  
**90009 SANDAKAN.**  
(u.p: Ketua Akauntan)

s.k. Pengarah  
Jabatan Tanah Dan Ukur,  
Beg Berkunci 2044,  
**88576 KOTA KINABALU.**  
(u.p : Ketua Akauntan)

s.k. Pengarah  
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri,  
Tingkat 1, Blok A,  
Wiisma Kewangan,  
**88999 KOTA KINABALU.**

up; Encik David Augustine  
Puan Hajah Kamariah Abas  
Cik Elizabeth Tai  
Puan Rafidah Ali Hassan  
Encik Yazid Yuzairie Yunos